

PERDANA MENTERI SAHKAN RICHARD. HO TAK TANDING

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho tidak akan bertanding semula dalam pilihanraya umum ini.

Timbalan Presiden Kebangsaan MCA itu ialah bekas Ahli Parlimen Lumut sejak tahun 1969. Beliau menang kawasan itu dalam pilihanraya umum 1969 atas tiket DAP dan melompat ke MCA dalam tahun 1972.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), menjelaskan, pengguguran nama Datuk Ho dari senarai calon MCA diputuskan oleh MCA sendiri.

"Ia merupakan keputusan mereka (MCA) sendiri," katanya ketika diminta mengulas mengenai kedudukan Datuk Ho selepas menyampaikan ucapan dasarnya di Seminar Kebangsaan Mengenai Pengeluaran

di sini hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak mengulas lebih lanjut mengenai perkara tersebut.

Sementara itu, Datuk Ho "sungguh terperanjat" kerana tidak terpilih dalam senarai calon MCA untuk bertanding kali ini.

Sumber-sumber rapat dengan pemimpin MCA itu berkata Datuk Ho sungguh terperanjat bila diberitahu tidak terpilih untuk bertanding sebagai calon MCA dalam pilihanraya ini.

Datuk Ho yang berada di pejabatnya di Wisma MPI, enggan menemu pemberita yang ingin menemuinya untuk mengetahui kedudukan sebenarnya.

Satu rombongan dianggotai oleh wakil-wakil MCA Bahagian Lumut difahamkan telah berjumpa Datuk Lee San Choon hari ini untuk mengetahui keputusan pucuk pimpinan parti itu.